

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB eFD via FPX”

Kempen “PB eFD via FPX” (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 [6463-H]) (“PBB”). Terma dan syarat di bawah akan mengawal Kempen ini (“Terma dan Syarat”).

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2025** hingga **31 Mac 2025**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati melalui Perbankan Dalam Talian Public Bank.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun PB e-Deposit Tetap (“eFD”) baharu dan sedia ada yang berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan termasuk kakitangan tetap dan sementara PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad (“Peserta yang Layak”). eFD itu hanya boleh dipegang oleh satu (1) individu.
- 2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) pemegang akaun semasa / simpanan perseorangan Konvensional atau Islam (“CASA/CASA-i”) bersama;
 - b) pelanggan bukan individu iaitu perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - c) individu yang tidak waras;
 - d) individu yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
 - e) individu yang akaunnya dipegang oleh PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini ialah **eFD***.

** Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.*

3.2 Tertakluk pada Terma dan Syarat ini, Peserta yang Layak berhak untuk menikmati kadar faedah promosi seperti yang dinyatakan dalam Lampiran I untuk peletakan eFD melalui pindahan daripada bank lain melalui Financial Process Exchanges (“FPX”) semasa Tempoh Kempen ini.

FPX adalah kaedah pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank dan dipermudahkan oleh Payment Network Malaysia Sdn. Bhd. (“PayNet”). Untuk butiran lanjut, Peserta yang Layak boleh merujuk laman web PayNet.

3.3 eFD Peserta yang Layak mestilah dirangkaikan dengan CASA / CASA-i perseorangan Peserta yang Layak bagi tujuan untuk memudahkan peletakan eFD, bayaran faedah dan pengeluaran eFD (“CASA yang Ditentukan”). Bagi mengelakkan keraguan, hanya CASA / CASA-i terpilih seperti yang ditetapkan oleh PBB dari semasa ke semasa boleh dipilih sebagai CASA yang Ditentukan.

3.4 Bagi peletakan melalui FPX, amaun deposit maksimum bagi setiap urusan niaga adalah berdasarkan kepada had yang diizinkan oleh PBB atau had yang diizinkan oleh dan ditetapkan dengan bank-bank yang berkenaan berkaitan dengan pindahan sedemikian, mana-mana yang lebih rendah.

3.5 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat beberapa peletakan melalui FPX tertakluk pada peletakan minimum dan maksimum seperti yang berikut:

Peletakan eFD	
Minimum (RM)	Maksimum (RM)
5,000 (bagi setiap peletakan)	2,000,000 (bagi setiap akaun eFD)

3.6 Kadar faedah promosi tersebut hanya disediakan bagi peletakan eFD melalui Perbankan Dalam Talian Public Bank semasa Tempoh Kempen, dari enam (6) pagi hingga sebelas (11) malam, tujuh (7) hari seminggu atau pada waktu yang ditetapkan oleh PBB di Perbankan Dalam Talian Public Bank.

- 3.7 Peletakan eFD melalui FPX adalah untuk **peletakan selama 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan atau 12 bulan sahaja**. Kadar faedah promosi diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. eFD itu akan diperbaharui secara automatik selama tempoh 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan atau 12 bulan pada kadar kaunter semasa PBB dengan faedah eFD ditambah pada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA yang Ditentukan Peserta yang Layak apabila matang.
- 3.8 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.9 Apabila matang, faedah eFD akan ditambah pada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA yang Ditentukan Peserta yang Layak menurut peraturan operasi biasa PBB bagi pengkreditan faedah eFD dalam CASA yang Ditentukan.
- 3.10 Pengeluaran eFD hanya boleh dilakukan melalui Perbankan Dalam Talian Public Bank. Jumlah pokok dan faedah diperolehi daripadanya (jika ada) hanya boleh dikreditkan secara automatik dalam CASA yang Ditentukan.
- 3.11 **Apa-apa peletakan eFD yang dibuat di bawah Kempen ini dan dikeluarkan sebelum kematangannya, tidak layak untuk mendapat apa juga faedah.**
- Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan eFD diperbaharui.**
- 3.12 Pengeluaran sebahagian peletakan eFD **tidak** dibenarkan.
- 3.13 Kempen ini **tidak** sah dengan mana-mana produk promosi atau kempen yang ditawarkan serentak oleh PBB.
- 3.14 Apa-apa peletakan eFD yang dibuat di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dicagarkan untuk apa-apa overdraf atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan yang lain.

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i dan/atau apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan pada terma dan syarat ini). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i dan/atau terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB, dan keputusan PBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta yang Layak berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini.
- 4.4 PBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali ia disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengesahan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, berkaitan dengan Kempen ini.

- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan atau berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 4.8 PBB berhak untuk:
- a) menambah, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuh atau sebahagiannya dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan pindaan terma dan syarat tersebut akan diterima pakai bagi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi yang mengiklankan Kempen ini;
 - b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain sebagaimana yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung berikutan pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut; dan
 - c) menyemak semula kadar faedah promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.
- 4.9 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak dalam laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.

Kadar faedah promosi yang ditawarkan di bawah Kempen “PB eFD via FPX” adalah seperti yang berikut:

Untuk Tempoh Kempen dari 1 Januari 2025 hingga 18 Mac 2025 :

Tempoh	Kadar Faedah Promosi (% setahun)
3 Bulan	3.60
6 Bulan	3.70
9 Bulan	3.50
12 Bulan	3.55

Untuk Tempoh Kempen dari 19 Mac 2025 hingga 31 Mac 2025 :

Tempoh	Kadar Faedah Promosi (% setahun)
3 Bulan	3.70
6 Bulan	3.85
9 Bulan	3.50
12 Bulan	3.65